

Malaysia hab serantau sektor minyak, gas

Fokus Petronas majukan keupayaan rakyat, syarikat tempatan

B.H 30/10/07 M.S 1

Oleh Mohd Zin Ali

PETRONAS akan terus memainkan peranan aktif bagi menjadikan Malaysia pusat serantau bagi pembangunan kemudahan sektor minyak dan gas, kata Presiden merangkap Ketua Eksekutifnya, Tan Sri Mohd Hassan Marican.

Beliau berkata, fokus utama Petronas kini ialah untuk membangunkan keupayaan rakyat dan syarikat tempatan supaya mampu menyertai projek berkaitan minyak dan gas, terutama pembangunan minyak di laut dalam yang kini dikuasai syarikat asing.

Beliau yang juga Pengerusi MISC Bhd berkata demikian selepas menamakan kapal tangki simpanan dan pemunggaan pengeluaran terapung (FPSO) pertama negara, FPSO Kikeh milik MISC di Pasir Gudang semalam.

Hadir sama Presiden dan Ketua Eksekutif MISC, Datuk Shamsul Azhar Abas; Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif Malaysia Marine dan Heavy Engineering Sdn Bhd (MMHE), Wan Yusof Wan Hamat dan Presiden Single Buoy Mooring (SBM) Inc, David Keller.

Kapal FPSO Kikeh yang dibina MMHE, anak syarikat MISC adalah kapal FPSO yang diubah suai daripada kapal tangki minyak mentah saiz besar (VLCC) yang dimiliki dan dikendalikan Malaysian Deepwater Terminal Ltd (MDFT), syarikat usaha sama antara MISC dan SBM.

FPSO Kikeh akan dipajak MDFT kepada Murphy Sabah Oil Sdn Bhd, rakan kongsi pengeluaran Petronas Carigali Sdn Bhd untuk lapan tahun dan akan beroperasi di kawasan cari gali Kikeh yang terletak kira-kira 120 kilometer di barat daya Labuan.



SIAP DIUBAH SUAI: FPSO Kikeh dijangka mula beroperasi Ogos ini.

“Cabaran utama membangunkan sektor ini ialah teknologi, modal insan berkebolehan dan kos yang berdaya saing”

Mohd Hassan Marican
Presiden merangkap Ketua Eksekutif Petronas

FPSO Kikeh dijangka mula beroperasi Ogos ini. Ia berupaya menampung sehingga dua juta tong dan memproses 120,000 tong minyak mentah sehari dengan kadar pemunggaan 37,500 tong sejam.

Mohd Hassan berkata, MMHE kini diberikan tanggungjawab baru oleh MISC untuk membina Unit Pengeluaran Terapung (FPU) Gumusut.

Beliau berkata, FPU yang dijangka siap pada akhir 2010, mampu mengendalikan 150,000 tong minyak

mentah sehari dan dijangkakan menjadi antara struktur FPU terbesar di dunia.

Sementara itu, Shamsul Azhar berkata, perniagaan kejuruteraan telaga minyak luar pantai dijangka menyumbang sehingga tujuh peratus kepada pendapatan MISC dalam tempoh lima tahun akan datang.

Bagi suku ketiga berakhir 31 Disember 2006, MISC meraih pendapatan berjumlah RM2.827 bilion.

Keuntungan sebelum cukainya dalam tempoh itu ialah RM963.3 juta.